



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**TAHAP KESEDARAN KAKITANGAN SOKONGAN
UNIVERSITI PERTANIAN MALAYSIA
YANG MENDAPAT KEMALANGAN:
SATU KAJIAN KES**

MOHD. KALOK BIN LATIFF

FPP L 1994 2



TAHAP KESEDARAN KAKITANGAN SOKONGAN
UNIVERSITI PERTANIAN MALAYSIA
YANG MENDAPAT KEMALANGAN:
SATU KAJIAN KES

Oleh

MOHD. KALOK BIN LATIFF

Kertas Projek Yang Dikemukakan Untuk
Memenuhi Sebahagian Daripada Syarat
Bagi Mendapatkan Ijazah Master Sains
(Pembangunan Sumber Manusia) Di
Pusat Pengembangan dan Pendidikan Lanjutan
Universiti Pertanian Malaysia

Oktober 1994




Kertas projek bertajuk "Tahap Kesedaran Kakitangan Sokongan Universiti Pertanian Malaysia Yang Mendapat Kemalangan: Satu Kajian Kes", yang disediakan oleh Mohd. Kalok bin Latiff memenuhi sebahagian daripada syarat mendapatkan Ijazah Master Sains (Pembangunan Sumber Manusia) di Pusat Pengembangan dan Pendidikan Lanjutan, Universiti Pertanian Malaysia.

Disahkan oleh:



PROF. MADYA DATO' DR. MOHD. NASIR BIN ISMAIL
(Penyelia)



PROF. MADYA DR. HJ. SAIDIN BIN TEH
(Pemeriksa)

Tarikh: 31. 12. 94

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah (S.W.T.) di atas limpah kurnia-Nya dan inayat-Nya, saya dapat melaksanakan kertas projek ini sehingga sempurna. Semasa menjalankan kajian ini, saya telah mendapat bantuan dan kerjasama yang tidak ternilai harganya dari berbagai pihak. Saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada mereka yang berkenaan. Semoga budi dan jasa mereka yang mulia itu Allah (S.W.T.) sahaja yang dapat membalasnya. Insy'Allah.

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih juga saya tujukan kepada penyelia saya, Profesor Madya Dato' Dr. Mohd. Nasir Ismail, Pengarah Pusat Pengembangan dan Pendidikan Lanjutan yang telah banyak memberi bantuan, bimbingan, galakan, saranan dan tunjukajar yang berharga ketika saya mengikuti kerja kursus dan juga ketika saya menyediakan kertas projek ini.

Setinggi-tinggi terima kasih juga diucapkan kepada Prof. Madya Dr. Hj. Saidin bin Teh yang telah memberi saya galakan dan panduan serta nasihat dalam masa saya



menyediakan kertas ini. Beliau telah memberi teguran dan juga pandangan-pandangan mengenai subjek kertas projek yang saya siapkan ini.

Terima kasih dan penghargaan juga saya sampaikan kepada Tuan Haji Shahdan bin Asri, Pendaftar UPM, kerana telah memberi galakan dan sokongan morale kepada saya untuk mengikuti kursus M.S. ini dan di samping itu membenarkan saya mengikuti kerja kursus pada masa-masa tertentu di waktu pejabat. Tidak lupa juga saya mengucapkan terima kasih kepada tenaga pengajar di PPPL kerana telah memberi bimbingan, tunjukajar dan nasihat yang sangat berharga semasa saya mengikuti kerja kursus.

Setinggi-tinggi terima kasih juga saya ucapkan kepada Puan Rosni bt. Salleh kerana telah bertungkus lumus membantu menaip bukan sahaja tugas-tugas untuk kerja kursus yang saya ikuti tetapi juga kertas projek ini. Saya juga sampaikan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Encik Baharom bin Anang kerana telah membantu saya menaip dan mencetak kertas projek ini sahingga sempurna.

Akhir sekali, ucapan penghargaan dan terima kasih yang teristimewa untuk isteri saya Dr. Habibah Elias



serta kesemua anak-anak saya kerana sokongan, galakan yang berharga serta bersabar dan memahami masalah-masalah yang saya hadapi semasa mengikuti kursus Masters ini.



KANDUNGAN

	<u>Halaman</u>
PENGHARGAAN	iii
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	x
ABSTRAK	xii
ABSTRACT	xv
BAB	
I PENDAHULUAN	
Pengenalan	1
Kemalangan Perusahaan di Malaysia ...	2
Perbelanjaan yang Dikeluarkan	4
Latarbelakang Masalah	6
Kenyataan Masalah	10
Objektif Kajian	12
Objektif Khusus	12
Kepentingan Kajian	13
Skop Kajian	14
Definisi Istilah	14
II ULASAN PEMBACAAN	
Pengenalan	16
Konsep Kesedaran (awareness)	16
Program Latihan	24



	<u>Halaman</u>
Kemalangan Disebabkan oleh Faktor Kemanusiaan	27
Keberkesanan Program Keselamatan Perusahaan	30
III METODOLOGI KAJIAN	
Pengenalan	40
Rekabentuk Penyelidikan	40
Populasi Kajian	41
Kawasan Kajian	41
Peralatan Kajian	42
Pengumpulan Data	45
Penganalisan Data	46
IV HASIL KAJIAN	
Pengenalan	47
Latarbelakang Responden	47
Taraf Pendidikan	49
Jawatan Responden	49
Jabatan Terlibat	50
Tempoh Bertugas	50
Jenis Kerja Yang Dijalankan	52
Latihan Kerja	53
Umur Ketika Mendapat Kemalangan	54



	<u>Halaman</u>
Tahun Kemalangan Berlaku	55
Penggunaan Mesin	55
Kecederaan Yang Dialami	55
Jumlah Hari Cuti Yang Diluluskan	56
Bayaran Akibat Kecederaan	56
Tahap Kesedaran	57
Sebab Mendapat Kecederaan	59
Program dan Aktiviti Keselamatan	61
Pandangan Pekerja Terhadap Tugas	63
Persetujuan Responden Terhadap Program/Latihan	66
 V RINGKASAN, PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN	
Pengenalan	69
Ringkasan Keputusan Analisis Data ...	71
Latarbelakang Responden	71
Kemalangan dan Kecederaan	75
Umur ketika mendapat kemalangan	75
Tahun kemalangan	76
Penggunaan mesin	77
Kecederaan yang dialami ...	77
Jumlah cuti yang diluluskan	78
Bayaran kepada kecederaan	79



	<u>Halaman</u>
Tahap Kesedaran	79
Sebab Mendapat Kemalangan	83
Program dan Aktiviti Keselamatan	88
Penerimaan Pekerja Terhadap Tugas ...	90
Persetujuan Responden Terhadap Program/Latihan	91
Kesimpulan dan Cadangan	94
Cadangan untuk Kajian Selanjutnya ...	102
BIBLIOGRAFI	104
LAMPIRAN	
A : Soal Selidik Yang Digunakan	110



SENARAI JADUAL

<u>Jadual</u>		<u>Halaman</u>
1	Bilangan Kemalangan Perusahaan (1987 - 1991)	3
2	Perbelanjaan Berasaskan Jenis Urusan 1991	5
3	Ganti Rugi Disebabkan oleh Kemalangan Perusahaan (1988 - 1993)	5
4	Bilangan Majikan, Pekerja Berdaftar dan Kemalangan Yang Dilaporkan 1991 Mengikut Negeri- negeri di Malaysia	7
5	Taburan Responden Mengikut Kategori Jawatan	48
6	Taburan Responden Mengikut Jantina	48
7	Taburan Responden Mengikut Umur	48
8	Taburan Responden Mengikut Taraf Pendidikan	49
9	Taburan Responden Mengikut Pengalaman Bertugas Ketika Mendapat Kemalangan	51
10	Taburan Responden Yang Pernah Bertugas di Tempat Lain Sebelum Kemalangan	51
11	Taburan Responden Mengikut Jenis Kerja Yang Mendapat Kemalangan	53
12	Taburan Umur Responden Ketika Mendapat Kemalangan	54

<u>Jadual</u>		<u>Halaman</u>
13	Taburan Jenis Kecederaan Yang Dialami oleh Responden	56
14	Tahap Kesedaran Responden Terhadap Keselamatan	58
15	Taburan Mengenai Sebab Responden Mendapat Kecederaan	60
16	Program dan Aktiviti Keselamatan Yang Dijalankan di Jabatan	61
17	Penerimaan Responden Terhadap Tugas	64
18	Persetujuan Responden Terhadap Latihan	66



ABSTRAK

Tujuan utama kajian ialah untuk mengkaji tahap kesedaran terhadap keselamatan di tempat kerja di kalangan kakitangan sokongan Univesiti Pertanian Malaysia (UPM) yang pernah mengalami kemalangan.

Kajian ini juga bertujuan untuk mengetahui: jenis kecederaan yang dialami oleh pekerja, sebab utama yang mengakibatkan kemalangan, program atau aktiviti yang dijalankan oleh Jabatan bagi menimbulkan kesedaran terhadap keselamatan, penerimaan pekerja terhadap kerja mereka dan program keselamatan yang diperlukan oleh pekerja bagi mengurangkan kejadian kemalangan.

Seramai 41 orang pekerja sokongan UPM dalam kategori C dan D yang pernah mengalami kemalangan telah dipilih sebagai responden untuk kajian ini. Data yang dikumpul telah dianalisis dengan menggunakan "Statistical Package for Sosial Science" (SPSS/PC+). Frekuensi, peratus, dan min telah digunakan dalam analisis ini.



Kajian mendapati bahawa tahap kesedaran mereka yang mendapat kemalangan terhadap keselamatan secara keseluruhannya adalah tinggi (Min = 4.32). Kajian juga mendapati bahawa jensi-jenis kecederaan yang dialami oleh responden ialah luka (57.7%), melecur (17.1%), patah (14.6%), terkehel (9.8%) dan pengsan (4.9%). Responden menyatakan bahawa kemalangan berlaku ke atas mereka kerana kemalangan itu terjadi di luar kawalan dan dugaan mereka (56.1%). Selain daripada itu ia disebabkan responden kurang waspada (43.9%), tempat bekerja tidak selamat (24.4%), tidak dilatih menggunakan mesin (14.6%), mesin rosak (14.6%), mesin tidak sesuai (12.2%), keletihan (9.8%), cuai (7.3%) dan tidak memakai pakaian keselamatan (2.4%) ketika bertugas.

Kajian mendapati pada keseluruhannya jabatan yang terlibat tidak mengadakan atau menjalankan aktiviti-aktiviti bagi mencegah kejadian kemalangan di jabatan masing-masing.

Kajian juga menunjukkan bahawa responden pada keseluruhannya menerima secara sederhana (Min = 3.13) tugas yang mereka lakukan.



Dari kajian ini juga didapati bahawa pada keseluruhannya responden sangat bersetuju program atau latihan mengenai keselamatan patut dijalankan bagi mengurangkan kejadian kemalangan di tempat bertugas (Min = 4.54).

Berdasarkan kepada hasil kajian, beberapa cadangan telah dibuat bagi meningkatkan tahap kesedaran pekerja terhadap keselamatan dan juga tindakan yang perlu dilakukan bagi mengurangkan kejadian kemalangan di tempat kerja.



ABSTRACT

The purpose of this study was to examine the level of awareness towards safety at the work place among the support staff of Universiti Pertanian Malaysia (UPM) who had accidents.

The study was also intended to probe into the types of injuries experienced by the workers, programmes or activities conducted by the various department to create awareness towards safety, workers acceptance of their work and safety programmes needed by workers to reduce accidents.

Respondents were 41 UPM staff members in categories C and D who were involved in accidents. The data collected were analysed by using the "Statistical Package for Social Science" (SPSS/PC+). Descriptive statistics namely frequencies, percentages, means and standard deviations were used in describing the results.

The results showed that the respondents who were involved in accidents had fairly high level of awareness towards safety (mean = 4.32). The study also



found that the types of injuries experienced by respondents were cuts (57.7%), burns (17.1%), fractures (14.6%), sprains (9.8%) and lost of consciousness (4.9%). The respondents regarded the accidents as unexpected and beyond their control (56.1%). The other reasons given for the accidents were: workers were less cautious (43.9%), unsafe work place (24.4%), workers not trained to use machines (14.6%), faulty machines (14.6%), machines were unsuitable (12.2%), fatigue (9.8%), carelessness (7.3%) and workers not using safety garments/gears while at work (2.4%).

It was also found that in general the relevant departments did not carry out activities to prevent accidents.

In general, the respondents accepted their jobs quite well (mean = 3.13). They strongly agreed that safety programmes or training should be conducted in order to reduce accidents at work place (mean = 4.54).

Based on the results, several suggestions are made in order to increase the workers' level of awareness towards safety and also the necessary steps taken to reduce accidents at work place.



**TAHAP KESEDARAN KAKITANGAN SOKONGAN
UNIVERSITI PERTANIAN MALAYSIA
YANG MENDAPAT KEMALANGAN:
SATU KAJIAN KES**

BAB I

PENDAHULUAN

Pengenalan

Kemalangan perusahaan yang dialami oleh pekerja mengakibatkan kerugian yang besar kepada negara. Mengikut rekod, dalam tahun 1978, di Amerika Syarikat kerugian disebabkan oleh kemalangan perusahaan (industrial accident) kepada pekerja berjumlah US\$23 billion; dan dalam tahun 1984 pula kerugian meningkat kepada US\$33 billion. (National Safety Council, 1985: 24).

Dalam tahun 1987, hampir 75 juta hari bekerja telah hilang yang melibatkan kerugian sebanyak US\$42 billion kepada industri-industri di Amerika Syarikat disebabkan oleh kemalangan perusahaan (Kirk, 1989). Dalam tahun 1988 pula, 10,600 orang pekerja telah terkorban semasa menjalankan tugas, dan 1.8 juta individu telah mengalami kecederaan yang serius. Semua kemalangan ini melibatkan kos sebanyak US\$47.1 billion. Kos ini meliputi gaji, perbelanjaan perubatan, insuran dan lain-lain perbelanjaan yang berkaitan (Beth, 1989).



Dalam tahun 1970, kerajaan pusat Amerika Syarikat telah meluluskan satu undang-undang yang dinamakan "Occupational Safety and Health Act of 1970" berkuatkuasa mulai 28 April 1971, bertujuan untuk memberi perlindungan kepada pekerja-pekerja dan juga bagi memastikan bahawa majikan mengambil tindakan untuk menjamin keselamatan pekerja di tempat bekerja. Undang-undang itu juga memberi kuasa kepada pihak kerajaan pusat untuk mengambil tindakan terhadap mana-mana majikan yang melanggar peraturan-peraturan keselamatan perusahaan yang ditetapkan. Mana-mana majikan yang melanggar syarat yang ditetapkan boleh dihukum mengikut akta tersebut.

Perlaksanaan undang-undang itu memberi kesan yang positif terhadap keselamatan pekerja umumnya. Keadaan keselamatan dalam industri telah bertambah baik. Semua pihak, iaitu majikan, dan pekerja telah lebih bertanggungjawab terhadap keselamatan dan mengambil tindakan-tindakan tertentu bagi mengurangkan kejadian kemalangan perusahaan (Terrence, 1985).

Kemalangan Perusahaan Di Malaysia

Mengikut laporan tahunan PERKESO 1991 (Pertubuhan Keselamatan Sosial), dalam tahun 1991 terdapat seramai 5,077,794 orang pekerja telah didaftarkan dengan pertubuhan ini, dan dalam tahun yang sama sebanyak



124,898 kemalangan perusahaan telah dilaporkan. Angka kemalangan perusahaan ini didapati bertambah dari setahun ke setahun. Jadual 1 menunjukkan statistik kemalangan perusahaan yang terjadi di Malaysia bagi tahun 1987 hingga 1991 yang didaftarkan dengan PERKESO.

Jadual 1

Bilangan Kemalangan Perusahaan (1987 - 1991)

Tahun	Bil. Pekerja Berdaftar	Bil. Kemalangan	Peratus (%)	Pertambahan (%)
1987	3,390,544	76,482	2.3	-
1988	3,731,525	88,127	2.4	15.2
1989	4,157,430	107,479	2.6	21.9
1990	4,578,943	121,104	2.6	12.7
1991	5,077,794	124,898	2.5	3.1

[Sumber: Laporan Tahunan PERKESO 1991, hal. 17]

Mengikut Laporan Tahunan PERKESO 1991, bilangan kemalangan perusahaan yang dilaporkan dalam tahun 1991 telah meningkat sebanyak 3,794 atau 3.1% berbanding dengan kemalangan dalam tahun 1990 kepada 124,898. Dari jumlah ini 62,622 kes atau 50.1% adalah kemalangan dalam sektor perindustrian, sementara 35,224 (28.2%) kemalangan adalah dari sektor pertanian dan perkhidmatan. Dari statistik di atas jelaslah bahawa



bilangan kemalangan perusahaan semenjak tahun 1987 hingga 1991 purata telah bertambah pada kadar 13.2% tiap-tiap tahun.

Mengikut laporan Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO), Malaysia kehilangan sejumlah RM4 billion ringgit tiap-tiap tahun disebabkan oleh kemalangan perusahaan, dan ini termasuk kehilangan masa pengeluaran dan kerja (Straits Times, 7.6.94).

Mengikut laporan PERKESO 1991, kebanyakan kemalangan perusahaan di negara ini berlaku di kawasan-kawasan yang menjalankan aktiviti perusahaan dan pengeluaran, terutamanya di kawasan perindustrian seperti Petaling Jaya, Klang, Shah Alam, Johor Bahru, Butterworth dan Pulau Pinang. Tingginya kadar kemalangan di perusahaan pengeluaran adalah disebabkan oleh penggunaan mesin dan lain-lain alat mekanik yang berleluasan dalam proses pengeluaran.

Perbelanjaan Yang Dikeluarkan

PERKESO telah mengeluarkan berbagai perbelanjaan termasuk pentadbiran bagi membayar kepada pekerja dan tanggungan mereka akibat dari kemalangan perusahaan yang dialami. Jadual 2 menunjukkan pecahan jenis-jenis perbelanjaan yang dikeluarkan dalam tahun 1991.

Jadual 2

Perbelanjaan Berasaskan Jenis Urusan 1991

Jenis	Jumlah (RM)	Peratus
i. Bencana kerja (Employment Injury)	80,677,784	57.7%
ii. Faedah Perubatan (Medical Benefit)	5,887,815	4.2%
iii. Pencen Ilat (Invalidity Pension)	35,018,005	25.0%
iv. Pentadbiran (Administration)	18,258,933	13.1%

[Sumber: Laporan Tahunan PERKESO 1991, hal.18]

Jadual 3 menunjukkan bayaran ganti rugi yang dibuat disebabkan oleh kemalangan perusahaan yang berlaku di Malaysia dalam tahun 1988 - 1993.

Jadual 3

**Ganti Rugi Disebabkan Oleh
Kemalangan Perusahaan (1988 - 1993)**

Tahun	Bil. Kemalangan	Maut	Bayaran Ganti Rugi
1988	88,127	802	RM 63.3 juta
1989	107,479	869	RM 80.3 juta
1990	121,104	731	RM104.1 juta
1991	124,898	830	RM123.4 juta
1992	124,503	778	RM142.1 juta
1993	128,621	728	RM163.9 juta

[Sumber: Straits Times, 7.6.94]



Selain daripada kerugian wang, kecederaan akibat kemalangan perusahaan boleh mengorbankan nyawa pekerja. Pekerja yang ditimpa kemalangan teruk perlu diganti dengan melantik pekerja baru. Pekerja baru pula perlu dilatih dan ini memakan masa. Jika sesebuah organisasi itu dikenali kerana sikapnya yang tidak mementingkan keselamatan pekerja dan kemalangan perusahaan sering berlaku di tempat kerja maka sudah tentulah ia tidak dapat menarik minat bakal-bakal pekerja untuk bertugas dengan organisasi itu. Selain daripada itu, perhubungan perusahaan di antara majikan dan kesatuan pekerja akan terjejas kerana kesatuan akan beranggapan bahawa majikan tidak mementingkan keselamatan pekerja.

Latar Belakang Masalah

Dari statistik dan laporan yang diperolehi adalah didapati bahawa bilangan kemalangan perusahaan di negara ini telah bertambah dari setahun ke setahun selaras dengan pertambahan bilangan pekerja di dalam berbagai sektor ekonomi. Dalam tahun 1991 terdapat seramai 5,077,794 pekerja daripada 118,256 majikan yang didaftarkan dengan PERKESO. Bilangan kemalangan yang dilaporkan ialah 124,898 kemalangan dalam tahun 1991. Bilangan ini termasuk kemalangan dalam sektor perkhidmatan. Bilangan kemalangan mengikut negeri-negeri di Malaysia adalah seperti di Jadual 4, dengan negeri Selangor mencatatkan bilangan yang paling tinggi iaitu sebanyak 27,326 kemalangan.

Jadual 4

**Bilangan Majikan, Pekerja Berdaftar dan Kemalangan
Yang Dilaporkan 1991 - Mengikut Negeri di Malaysia**

Kawasan Diliputi	Majikan	Pekerja	Kemalangan
Semenanjung Malaysia			
Perak	13,560	484,692	22,807
Johor	15,986	688,877	18,738
Kedah	6,271	285,746	9,107
Kelantan	3,337	96,499	1,039
Melaka	3,940	168,397	3,302
Negeri Sembilan	4,379	189,436	6,001
Pahang	4,958	222,676	3,489
Perlis	833	29,635	691
Pulau Pinang	6,299	296,702	6,017
Butterworth	4,789	242,703	8,480
Selangor	15,450	844,571	27,326
Terengganu	2,981	91,576	910
Wilayah Persekutuan (Kuala Lumpur)	23,973	946,871	5,567
Jumlah	106,756	4,588,381	113,474
Wilayah P. Labuan	190	4,992	32
Sabah	5,256	248,513	2,903
Sarawak	6,054	235,908	8,489
Jumlah Besar	118,256	5,077,794	124,898

[Sumber: Laporan Tahunan PERKESO 1991, hal. 14]

Kemalangan perusahaan boleh merugikan negara dari aspek ekonomi dan sosial, kerana perbelanjaan yang banyak diperlukan bagi merawat dan membayar kepada mereka yang ditimpa kemalangan. Mengikut rekod dalam tahun 1991, PERKESO telah membayar sebanyak RM35,018,005 di bawah Skim Pencen Hilang Upaya (Invalidity Pension Scheme) kepada pekerja-pekerja yang terlibat dengan kemalangan, dibandingkan dengan RM26,600,699 dalam tahun 1990. Jumlah yang dibayar adalah meningkat dengan tingginya jika dibandingkan dengan tahun 1988, di mana RM2.7 juta telah dibayar dan RM4.1 juta dalam tahun 1989. Bayaran ini ialah bagi "invalidity pension" sahaja tidak termasuk bayaran-bayaran lain yang dimestikan dalam akta berkenaan. Pada keseluruhannya PERKESO membelanjakan sebanyak RM121,583,604 kepada pekerja yang mendapat berbagai kemalangan dalam tahun 1989. Dari laporan Jabatan Buruh dan PERKESO, didapati bahawa dalam tahun 1989 sahaja sebanyak 546 kemalangan perusahaan yang membawa maut telah berlaku. Ini bermakna 1 orang pekerja terkorban tiap-tiap hari di tempat bertugas di negara ini. Kemalangan ini adalah kemalangan yang dilaporkan sahaja.

Selain daripada kerugian yang disebutkan itu, perbelanjaan yang banyak akibat dari kemalangan mempunyai akibat ke atas ekonomi sesebuah negara dan